

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY  
[ KAPAR ]****TARIKH : 13.3.2018 (SELASA)****SOALAN :****Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [ Kapar ] minta MENTERI  
PENDIDIKAN menyatakan :**

- (a) bilangan kes buli yang dilaporkan dan disiasat untuk tempoh masa 2012, 2013, 2014, 2015, 2016 dan sehingga Jun 2017. Apakah langkah-langkah dan tindakan Kementerian untuk menangani kes buli di kalangan pelajar sekolah; dan
- (b) bilangan kes di mana guru sekolah memukul pelajar kerana tidak dapat mengawal perasaan untuk tempoh masa dari tahun 2012, 2013, 2014, 2015, 2016 dan sehingga Jun 2017. Apakah langkah-langkah dan tindakan Kementerian untuk menangani tindakan guru sekolah yang tidak dapat mengawal perasaan mereka dan berapa kes yang telah disiasat, didakwa dan dibawa ke muka pengadilan sepanjang tempoh masa yang sama seperti di atas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berdasarkan Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM), peratus murid yang direkodkan melakukan salah laku buli dari tahun 2012 hingga 2017 adalah masih terkawal. Bagi tempoh tiga(3) tahun terkini, peratus yang dilaporkan terlibat dengan salah laku buli ialah 0.06 peratus pada tahun 2015; 0.07 peratus pada tahun 2016 dan 0.06 peratus pada tahun 2017. Semua kes buli yang dilaporkan kepada

pihak sekolah telah diambil tindakan sewajarnya oleh pihak berkuasa disiplin sekolah.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius dan mengambil langkah proaktif dalam membendung gejala buli melibatkan murid di sekolah. Antara langkah yang diambil adalah ;

- i. ketegasan pihak KPM dalam isu buli dan gangsterisme melalui arahan surat pekeliling;
- ii. usaha pemulihan melibatkan ibu bapa murid dan pihak yang berkepentingan;
- iii. kerjasama dengan PIBG dan pihak luar seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi berkaitan dan NGO; dan
- iv. amalan Guru Penyayang.

(b) Bilangan aduan kes hukuman dan denda terhadap murid yang dilaporkan pada tahun 2015 ialah sebanyak 142 kes, tahun 2016 sebanyak 232 kes dan tahun 2017 sebanyak 228 kes. KPM telah menyediakan pegawai Kaunseling Organisasi Daerah yang diletakkan di setiap PPD bagi membantu warga pendidikan termasuk guru yang mempunyai masalah emosi dan sebagainya. Pentadbir sekolah bertanggungjawab membimbing dan memantau pelaksanaan tugas guru dengan mengutamakan kebajikan dan keselamatan murid. Manakala KPM akan menyiasat setiap aduan dan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa.